



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1978
DR.13/1978

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi mengubah undang-undang yang berkuatkuasa berhubung dengan duti harta pesaka.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1978 dan hendaklah dipakai di seluruh Malaysia. Tajuk ringkas.

(2) Tertakluk kepada seksyen 2, Akta ini hendaklah dibaca dan ditafsirkan bersama dengan undang-undang duti harta pesaka yang berkaitan.

2. (1) Dalam Akta ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“anak” termasuklah anak angkat dan anak yang diambil sebagai anak angkat mengikut mana-mana undang-undang berhubung dengan pengambilan anak angkat yang dipakai bagi ibu atau bapa angkat itu;

“isteri” termasuklah semua isteri bagi seseorang yang dibenarkan beristeri lebih daripada satu menurut undang-undang dirinya;

“undang-undang duti harta pesaka yang berkaitan” ertinya undang-undang berhubung dengan duti harta pesaka yang berkuatkuasa di Sabah, Sarawak atau Malaysia Barat, mengikut mana yang berkenaan.

(2) Tertakluk kepada seksyen-kecil (1), jika sesuatu perkataan atau perbahasaan yang digunakan dalam Akta ini mempunyai erti yang diberi kepadanya oleh mana-mana peruntukan undang-undang duti harta pesaka yang berkaitan, maka perkataan atau perbahasaan itu hendaklah, dalam Akta ini, mempunyai erti yang diberi kepadanya sedemikian itu melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain.

Pengecualian dari duti akan jumlah tambahan yang kena dibayar di bawah proviso seksyen 14 Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja. 21/51.

Kadar bunga atas duti harta pesaka tertentu.

3. Berkenaan dengan seseorang yang mati pada atau selepas 1hb Ogos 1977 duti harta pesaka tidaklah kena dibayar mengenai apa-apa jumlah wang tambahan yang kena dibayar mengikut cara yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan di bawah proviso kepada seksyen 14 Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja 1951 kepada mana-mana jua isteri, anak atau cucu cicit yang masih hidup masa kematian orang itu dan orang itu adalah seorang pencarum di bawah Ordinan tersebut itu.

4. (1) Berkenaan dengan harta seseorang yang mati pada atau selepas 1hb Januari 1979 bunga biasa mengikut kadar-kadar tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kenalah dibayar atas duti harta pesaka bagi sesuatu harta itu.

(2) Pemungut boleh, menurut budibicaranya, melepaskan kesemua atau mana-mana bahagian daripada bunga yang kena dibayar di bawah seksyen-kecil (1)—

(a) jika Pemungut berpuashati bahawa adanya alasan baik untuk berbuat sedemikian itu; atau

(b) jika perkiraan telah dibuat berkenaan dengan bayaran penuh dan terakhir akan duti harta pesaka atau mana-mana bahagian daripadanya mengikut apa-apa syarat yang difikirkan patut dikenakan oleh Pemungut.

JADUAL

(Seksyen 4 (1))

KADAR BUNGA

Tempoh

Kadar bunga

1. Dalam segala hal dari tarikh kematian hingga tamatnya 30 hari dari tarikh taksiran. **TIADA**

- | <i>Tempoh</i> | <i>Kadar bunga</i> |
|--|---|
| 2. Jika duti harta pesaka atau mana-mana bahagian daripadanya tidak dibayar dalam masa 30 hari dari tarikh taksiran maka dari tarikh tamatnya 30 hari itu hingga tarikh duti harta pesaka atau mana-mana bahagian daripadanya itu dibayar. | 12 peratus setahun atas jumlah duti harta pesaka yang belum berbayar. |

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan memberi pengecualian daripada duti harta pesaka mengenai faedah-faedah kematian yang diberi di bawah Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja 1951 kepada golongan orang-orang tertentu atas kematian seseorang. Rang Undang-undang ini juga bertujuan untuk mengubah kadar-kadar bunga yang termesti kena dibayar atas duti harta pesaka di bawah undang-undang duti harta pesaka yang ada sekarang mengenai harta seseorang yang mati pada atau selepas 1hb Januari 1979.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang. [PN. (U²) 716.]